

Saintis Malaysia meninggal

» *Dr Yaakob individu pertama berjaya kesan DNA babi dalam makanan*

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bharian.com.my

■ Kuala Lumpur

Saintis pertama negara yang berjaya membangunkan teknologi mengesan daging babi dalam makanan, Prof Datuk Dr Yaakob Che Man, 52 (**gambar**), meninggal dunia di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Cheras, semalam.

Beliau yang juga pengasas dan pengarah pertama Institut Penyelidikan Produk Halal Universiti Putra Malaysia (UPM), juga penerima Anugerah Tokoh Maulidur Rasul peringkat kebangsaan pada 2010, menghembuskan nafas terakhir kira jam 2.30 petang semalam.

Jenazah Allahyarham dikhiamkan di Tanah Perkuburan Islam Sungai Merab, Bangi, pada jam 6.45 petang semalam.

Kanser pankreas

Pegawai Perhubungan Awam UPM, Khairul Anuar Muha-



mad Noh, berkata anak perempuan Allahyarham, Nadiah Yaakob mengesahkan ayahnya meninggal dunia akibat kanser pankreas yang dihidapi sejak beberapa tahun lalu.

Dr Yaakob yang berasal dari Kuala Terengganu berjaya membangunkan Sistem Pengesahan Halal bagi mengesan kehadiran unsur haram terutama lemak, protin, metabolit, DNA dan alkohol dalam produk halal yang dipatenkan di negara ini dan 22 negara lain termasuk Amerika Syarikat dan Eropah.

Khairul Anuar berkata, inovasi itu memenangi banyak anugerah di dalam dan luar negara termasuk Anugerah Harta Intelek Negara dan Anugerah Inovasi Islam.

Terima pelbagai anugerah

"Allahyarham juga penerima Anugerah Saintis Halal Malaysia, Anugerah Harta Intelek Negara dan Anugerah Antarabangsa Khwarizmi daripada Pertubuhan Penyelidikan Iran dalam bidang sains dan teknologi.

"Kementerian, Sains, Teknologi dan Inovasi pula menyenaraikan beliau dalam kelompok 10 saintis terbaik negara serta dalam senarai lima saintis dan jurutera terbaik Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bagi Malaysia," katanya.